

## Keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Penerapan Prinsip Nilai Wang Mengikut Masa bagi Tujuan Pengukuran Perakaunan bagi Transaksi *Qard* Antara Dana Pemegang Saham dan Dana Takaful

**Mesyuarat MPS ke-213 bertarikh 27 April 2021**

### Bahagian I: Keputusan MPS, Tarikh Kuat Kuasa dan Pemakaian

Menurut seksyen 52 Akta Bank Negara Malaysia 2009 berkaitan fungsi MPS, MPS memutuskan bahawa kaedah pengukuran perakaunan bagi transaksi *qard* (pinjaman tanpa faedah) antara dana pemegang saham dan dana takaful di bawah keperluan MFRS 17 *Kontrak Insurans*<sup>1</sup> dan MFRS 9 *Instrumen Kewangan*<sup>2</sup> dibenarkan. Ini adalah kerana jumlah bayaran balik amaun *qard* tidak akan bertambah walaupun prinsip nilai wang mengikut masa (*time value of money* (TVM) diterapkan dalam kaedah pengukuran. Keputusan ini tertakluk kepada penzahiran maklumat komprehensif dalam nota penyata kewangan seperti berikut:

- i. Keperluan pengendali takaful memberi *qard* daripada dana pemegang saham apabila terdapat kekurangan dalam dana takaful;
- ii. Sifat kontrak *qard*, jumlah asal *qard* yang diberikan kepada dana takaful dan tempoh bayaran balik yang dijangka apabila terdapat lebihan dalam dana takaful; dan
- iii. Penjelasan berhubung pengukuran perakaunan seperti penerapan prinsip TVM untuk menentukan nilai kini (*present value*) dan nilai masa hadapan (*future value*) bagi *qard* serta kesan terhadap jumlah asal *qard* dan pelarasan nilai saksama (*fair value*) yang diperlukan untuk mencapai jumlah asal. Penjelasan tersebut hendaklah merangkumi “hak dana pemegang saham untuk menerima jumlah *qard* asal” dan “obligasi dana takaful membayar balik jumlah *qard* asal” yang tidak berubah amaunnya sepanjang tempoh bayaran balik *qard*.

Keputusan ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh penerbitannya dalam laman sesawang Bank Negara Malaysia pada 8 Julai 2021 dan terpakai kepada pengendali takaful berlesen termasuk pengendali takaful semula profesional yang diluluskan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) untuk menjalankan perniagaan takaful.

Selaras dengan seksyen 28(1) dan (2) APKI, mengikut mana-mana yang berkenaan, pengendali takaful berlesen dikehendaki mematuhi keputusan ini kerana pematuhan dengan apa-apa keputusan MPS berkenaan dengan sebarang matlamat tertentu dan pengendalian perniagaan, hal ehwal atau aktiviti pengendali takaful berlesen tersebut adalah disifatkan sebagai pematuhan kepada Syariah.

<sup>1</sup> Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 17 *Kontrak Insurans*

<sup>2</sup> Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 *Instrumen Kewangan*

## Bahagian II: Latar Belakang

### **Pengolahan perakaunan di bawah MFRS**

- Mengikut amalan semasa, MFRS 4 *Kontrak Insurans*<sup>3</sup> membenarkan pengendali takaful berlesen mengukur *qard* yang diberi untuk menampung kekurangan dana takaful<sup>4</sup> pada nilai kos di dalam penyata kewangan pengendali takaful dan dana takaful. Memandangkan MFRS 4 akan digantikan sepenuhnya oleh MFRS 17 berkuat kuasa 1 Januari 2023, terdapat keperluan untuk mengkaji semula pengolahan perakaunan sedia ada untuk memenuhi keperluan pengukuran baharu di bawah MFRS 17. Oleh itu, penilaian ini turut mempertimbangkan keperluan perakaunan yang berkaitan dengan transaksi *qard* di bawah piawaian perakaunan lain terutamanya piawaian MFRS 9.
- Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)<sup>5</sup>, telah mengesyorkan pengolahan perakaunan yang merangkumi perspektif dana takaful dan pengendali takaful. Khususnya, prinsip TVM akan diguna pakai dalam kaedah penilaian *qard* bertepatan dengan keperluan MFRS. Cadangan pengolahan perakaunan adalah seperti berikut:
  - Dari perspektif dana takaful, *qard* dianggap sebagai sebahagian daripada pemenuhan aliran tunai (*fulfilment cash flows*) di bawah MFRS 17 dan diukur berdasarkan kaedah nilai kini di mana pemasaan aliran tunai (*timing of cash flows*) dipertimbangkan.
  - Dari perspektif pengendali takaful<sup>6</sup>, *qard* dianggap sebagai aset kewangan di bawah MFRS 9 dan pada awalnya diukur pada nilai saksama, di mana faktor diskaun berdasarkan anggaran pulangan komersial atas nilai nominal<sup>7</sup> akan digunakan untuk menganggarkan nilai saksama pada permulaan *qard*.

### **Kesan pengolahan perakaunan terhadap penyata kewangan**

- Sewaktu pengukuran awal *qard*, penggunaan prinsip TVM akan menghasilkan nilai jangkaan *qard* yang lebih rendah yang perlu dibayar pada masa hadapan memandangkan *qard* pada dasarnya adalah bersifat bebas faedah dan tidak mengambil kira TVM. Dalam hal ini, perbezaan antara nilai pengukuran awal dan nilai nominal (nilai asal) *qard* akan menggambarkan kesan TVM dan direkod dalam penyata kewangan masing-masing sebagai keuntungan kepada dana takaful dan kerugian kepada pengendali takaful.
- Sepanjang tempoh bayaran balik *qard*, nilai *qard* akan dilaraskan untuk merungkai kesan TVM dengan keuntungan dan kerugian yang direkodkan masing-masing dalam penyata kewangan dana takaful dan pengendali takaful. Pelarasan pada nilai *qard* akhirnya akan menghapuskan kesan TVM yang direkod pada pengukuran awal sehingga tidak

<sup>3</sup> Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 4 *Kontrak Insurans*

<sup>4</sup> Seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 95 APKI

<sup>5</sup> MASB telah mengeluarkan satu buletin (*Reporting Qard in the Takaful Fund column within Takaful Entity financial statements*) pada 3 Jun 2021 berhubung pengolahan perakaunan yang sesuai bagi *qard* dalam konteks takaful di bawah keperluan MFRS

<sup>6</sup> MASB memberikan panduan berhubung pengolahan perakaunan dari perspektif pengendali takaful hanya sekiranya syarikat takaful memilih untuk mengemukakan operasi pengendali takaful yang berdiri sendiri (*standalone takaful operator*) dalam penyata kewangan kolumnarnya

<sup>7</sup> Berdasarkan kadar bebas risiko Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan/atau Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII)

menghasilkan sebarang keuntungan atau kerugian daripada transaksi *qard* antara pengendali takaful dan dana takaful sepanjang tempoh bayaran balik *qard*. Pelarasan tersebut bertujuan untuk memastikan nilai *qard* mencapai nilai asal *qard* apabila dibayar sepenuhnya dan tidak mempengaruhi obligasi dana takaful dalam membayar balik jumlah asal *qard* dan hak pengendali takaful untuk menerima kembali jumlah asal *qard*.

### Isu Syariah

- Adakah penggunaan prinsip TVM bagi *qard* untuk tujuan pengukuran perakaunan membawa kepada amalan pinjaman berserta faedah (riba)?
- Adakah penggunaan TVM menimbulkan isu ketidakpastian (*gharar*) dalam penyata kewangan?

### Bahagian III: Perbincangan Utama

#### ***Implikasi penerapan prinsip TVM dalam mengukur nilai qard bagi tujuan pengolahan perakaunan***

##### ***Tiada unsur riba dalam kontrak qard***

- Pengukuran nilai *qard* berdasarkan prinsip TVM boleh memberi kesan pinjaman berdasarkan faedah (riba) yang dilarang oleh Syariah memandangkan nilai asal *qard* yang akan dibayar adalah lebih tinggi berbanding nilai *qard* yang direkodkan pada permulaan.
- Namun, perbezaan nilai *qard* pada permulaan dan nilai bayaran balik yang direkod dalam penyata kewangan tidak memberikan kesan kewangan seperti pinjaman berserta faedah. Hal ini disebabkan nilai *qard* (sama ada diukur pada nilai saksama atau nilai kini) akan dilaraskan sepanjang tempoh bayaran balik *qard*.
- Pelarasan terhadap nilai *qard* sepanjang tempoh pembayaran *qard* sebenarnya menggambarkan bahawa nilai *qard* asal adalah sama dengan nilai penuh bayaran balik *qard*.
- Oleh itu, unsur riba berikutan penggunaan prinsip TVM untuk mengukur *qard* tidak timbul kerana nilai *qard* yang diberikan oleh pengendali takaful pada permulaannya adalah sama dengan nilai *qard* yang dibayar balik oleh dana takaful setelah pembayaran penuh dibuat. Ini sejajar dengan definisi *qard* seperti yang dinyatakan dalam Dokumen Polisi *Qard*<sup>8</sup>.

##### ***Unsur ketidakpastian dalam penyata kewangan boleh dimitigasi dengan penzahiran maklumat komprehensif***

- Unsur ketidakpastian boleh menjadikan suatu kontrak terbatal disebabkan tiada pengetahuan dan maklumat secukupnya oleh pihak-pihak berkontrak berhubung suatu kontrak.
- Syariah melarang unsur ketidakpastian yang signifikan (*gharar fahisy*) berhubung elemen penting dalam suatu kontrak pertukaran seperti ketersediaan dan kewujudan aset bagi kontrak penjualan, penentuan harga jualan dan sebagainya. Ini adalah kerana ianya

<sup>8</sup> *Qard* refers to a contract of lending money by a lender to a borrower where the latter is bound to repay an equivalent replacement amount to the lender (Perenggan 8.1 Dokumen Polisi *Qard*)

boleh menimbulkan perselisihan antara pihak berkontrak. Namun, Syariah membenarkan unsur ketidakpastian yang sedikit (*gharar yaseer*) selagi ianya tidak mempengaruhi elemen penting berhubung kesahihan kontrak pertukaran.

- Dalam konteks pengolahan perakaunan, penggunaan prinsip TVM bagi mengukur nilai *qard* tidak menggambarkan sifat sebenar *qard*. Nilai *qard* yang direkodkan pada peringkat permulaan berbeza dengan jumlah sebenar yang diberi oleh pengendali takaful dan jumlah pembayaran balik oleh dana takaful.
- Perbezaan antara nilai *qard* yang diukur berdasarkan prinsip TVM dan nilai sebenar *qard* yang diberi serta jumlah pembayaran balik mungkin dianggap tidak menggambarkan hakikat sebenar kontrak *qard*<sup>9</sup> yang boleh membawa kepada elemen ketidakpastian dalam penyata kewangan. Hal ini kerana pengguna penyata kewangan pengendali takaful berkemungkinan tidak menyedari berhubung pengolahan perakaunan yang menerapkan prinsip TVM dalam mengukur nilai *qard*.
- Walaupun penggunaan prinsip TVM bagi mengukur nilai *qard* dapat mempengaruhi tahap ketelusan penyata kewangan bagi pengendali takaful, namun ia dilihat tidak membawa kepada ketidakpastian yang signifikan yang dilarang. Hal ini kerana unsur ketidakpastian hanya terdapat pada maklumat dalam penyata kewangan pengendali takaful dan tidak mempengaruhi elemen penting kontrak *qard* yang telah dimeterai.
- Obligasi kewangan antara pihak berkontrak tetap tidak berubah dan kedua-dua pihak berkontrak iaitu pemberi pinjaman (pengendali takaful) dan peminjam (dana takaful) mengetahui nilai sebenar liabiliti dan obligasi kewangan mereka hasil daripada kontrak *qard* berkenaan.
- Tambahan pula, unsur ketidakpastian dalam kaedah pengukuran *qard* boleh diatasi melalui penzahiran maklumat komprehensif untuk memberitahu pengguna penyata kewangan berhubung penggunaan prinsip TVM dalam mengukur nilai *qard*.

### **Keperluan penzahiran maklumat yang komprehensif**

- Bagi mengurangkan kemungkinan implikasi negatif yang timbul daripada penggunaan prinsip TVM seperti persepsi bahawa pengendali takaful memberikan pinjaman berdasarkan faedah dan terdapatnya unsur ketidakpastian, pengendali takaful mesti menzahirkan maklumat secara komprehensif dalam nota penyata kewangan.
- Penzahiran tersebut hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya maklumat seperti berikut:
  - i. Keperluan perundangan berhubung pemberian *qard* daripada dana pemegang saham oleh pengendali takaful apabila terdapat kekurangan dalam dana takaful;
  - ii. Sifat kontrak *qard*, jumlah asal *qard* yang diberikan kepada dana takaful dan tempoh masa yang dijangka untuk bayaran balik *qard* apabila terdapat lebihan dalam dana takaful; dan
  - iii. Penjelasan mengenai pengukuran perakaunan iaitu berhubung penerapan prinsip TVM dalam menentukan nilai kini dan nilai masa hadapan bagi *qard* serta kesan kepada jumlah asal *qard* dan pelarasan nilai saksama yang diperlukan untuk mencapai jumlah asal. Penjelasan tersebut juga hendaklah merangkumi “hak

<sup>9</sup> Nazih Hammad, *Mu`jam al-Mustolahat al-Maliyyah wal-Iqtisodiyah fi Lughah al-Fuqaha, Dar al-Qalam, 2008, h. 143*

dana pemegang saham untuk menerima jumlah *qard* asal” dan “obligasi dana takaful membayar balik jumlah *qard* asal” yang tetap tidak berubah sepanjang tempoh bayaran balik *qard*.

#### Bahagian IV: Asas Pertimbangan

##### **Penggunaan prinsip perakaunan tidak membawa kepada riba**

- Penggunaan prinsip TVM bagi mengukur nilai *qard* dalam penyata kewangan tidak membawa kepada pinjaman berserta faedah kerana pemberi pinjaman (pengendali takaful) tidak memperoleh sebarang faedah kewangan daripada kontrak *qard*. Dalam situasi ini, nilai sebenar *qard* adalah bersamaan dengan jumlah yang akan dibayar balik. Ini menunjukkan bahawa pengukuran *qard* berdasarkan prinsip TVM bebas daripada unsur riba kerana tidak terdapat *`illah* (sebab) riba iaitu manfaat kepada pemberi pinjam yang disebut dalam hadis berhubung larangan riba:

عن علي بن أبي طالب أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: كل قرض جر منفعة، فهو ربا.  
 “Daripada Ali r.a berkata, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Semua pinjaman yang membawa manfaat (kepada pemberi pinjaman) maka ia adalah satu bentuk riba.<sup>10</sup>”

- Sungguhpun demikian, penggunaan prinsip TVM dalam mengukur nilai *qard* harus dihadkan hanya untuk pengolahan perakaunan bagi transaksi *qard* antara dana pemegang saham dan dana takaful sahaja. Penggunaan prinsip TVM di luar skop dan konteks perbincangan keputusan ini adalah bertentangan dengan keputusan MPS sedia ada berhubung penggunaan prinsip TVM bagi urus niaga pinjaman<sup>11</sup>.

##### **Penggunaan prinsip perakaunan dalam penyediaan penyata kewangan tidak membawa kepada unsur ketidakpastian yang dilarang**

- Penggunaan prinsip TVM dalam penyediaan penyata kewangan dilihat tidak membawa kepada ketidakpastian yang signifikan<sup>12</sup> kerana penyediaan penyata kewangan merupakan perkara tambahan di luar pemeteraian kontrak. Kaedah pengukuran perakaunan tidak menjejaskan elemen penting kontrak *qard* kerana obligasi kewangan antara pihak berkontrak tetap sama.
- Namun begitu, Syariah tetap menekankan kepentingan ketelusan maklumat dalam penyata kewangan kerana ia bertujuan memberi gambaran sebenar prestasi kewangan sesebuah entiti perniagaan. Maklumat ini menjadi rujukan bagi pengguna seperti pemegang taruh, pelabur dan pelanggan dalam membuat keputusan atau penilaian perniagaan yang tepat terhadap suatu entiti kewangan.
- Oleh yang demikian, unsur ketidakpastian yang terdapat dalam penyata kewangan mestilah diatasi melalui penzahiran maklumat secara komprehensif berhubung kaedah

<sup>10</sup> Ibnu Hajar al-`Asqalani, *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam, Matba`ah al-Salafiyyah*, 1928, h. 176

<sup>11</sup> MPS dalam mesyuarat ke-71 bertarikh 26-27 Oktober 2007 telah memutuskan bahawa penerapan prinsip nilai masa dalam kewangan dalam pelaporan kewangan Islam dibenarkan khusus untuk kontrak pertukaran yang melibatkan pembayaran secara bertanggung. Namun demikian, ia dilarang sama sekali dalam urus niaga pinjaman (*qard*).

<sup>12</sup> Organisasi Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI), *Al-Ma`ayir al-Syar`iyyah, Piawaian no. 31 (Dabit al-Gharar al-Mufsid li al-Mu`amalat al-Maliyyah)*, 2015, perenggan 4/3, h. 783.

pengukuran *qard* dalam penyata kewangan (seperti yang digariskan di Bahagian I: Keputusan MPS).

- Selain daripada mengatasi unsur ketidakpastian yang sedikit, penzahiran maklumat secara komprehensif diperlukan untuk mencapai pembentangan penyata kewangan yang benar dan adil (*true and fair presentation*).

#### Bahagian V: Implikasi Keputusan MPS

- Keputusan ini memberikan kejelasan berhubung penggunaan prinsip TVM bagi *qard* dalam konteks takaful, di mana ia tidak akan mengubah hak dan obligasi kontrak kedua-dua pihak. Ini akan memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap keperluan MFRS oleh pengendali takaful lantas membolehkan juruaudit mengesahkan pandangan yang benar dan adil terhadap penyata kewangan. Di samping itu, keputusan ini membolehkan penyatuan penyata kewangan di peringkat kumpulan tanpa menimbulkan sebarang pengecualian pendapat audit (*qualified audit opinion*).